

02 OCT 1998

PERDANA MENTERI DIBERI TAKLIMAT PEMBANGUNAN KUBANG PASU

JITRA, 2 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendengar taklimat mengenai pembangunan di daerah Kubang Pasu.

Taklimat selama 45 minit itu disampaikan oleh Pegawai Daerah Mohamed Farouk Che Ibrahim di bangunan pejabat daerah Kubang Pasu di sini, petang ini.

Turut hadir ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Ismail Shafiee, beberapa anggota Dewan Undangan Negeri, seorang anggota Parlimen serta pegawai-pegawai tinggi Jabatan Kerajaan.

Semasa taklimat itu Dr Mahathir yang juga anggota Parlimen Kubang Pasu diberitahu mengenai pengubahsuaian Pejabat Dearah dan pembinaan jalan-jalan baru dalam daerah Kubang Pasu.

Selepas itu beliau mengadakan pertemuan bersama rakyat di Dewan Jitra, di sini.

-- BERNAMA

MAN PR